96

SOALAN NO: ~~42~~ 41

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DR. NOOR AZMI BIN GHAZALI [BAGAN SERAI]**
TARIKH	:	**12 MAC 2015 (KHAMIS)**
SOALAN	:	**Dr. Noor Azmi bin Ghazali** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan** sejauh manakah inisiatif Kementerian menetapkan harga belian padi pada RM1200 setiap tan metrik benar-benar meningkatkan pendapatan petani di sebalik kadar pemutuan padi yang meningkat tinggi dan kenaikan kos penanaman padi keseluruhannya.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Sebelum pengumuman penyelarasan harga belian padi pada kadar seragam dibuat oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani pada 16 Januari 2014, harga belian padi di seluruh Semenanjung Malaysia adalah berbeza antara satu negeri dengan negeri yang lain iaitu di antara RM980 hingga RM1,200 bagi setiap tan metrik. Perbezaan harga tersebut adalah bergantung kepada kualiti, musim tuaian dan corak

permintaan daripada pengilang. Kerajaan mengambil keputusan untuk menetapkan harga padi RM1,200 per tan metrik sebagai asas pelarasan harga di seluruh negeri di Semenanjung dan harga tersebut adalah tertakluk kepada pelaksanaan pemutuan sebenar padi di kilang.

Inisiatif Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk menyeragamkan harga belian padi di Semenanjung Malaysia adalah bertujuan untuk membolehkan petani menikmati pendapatan yang lebih baik dan seragam antara negeri, tertakluk kepada proses pemutuan padi sebenar. Proses ini akan menggalakkan pesawah mengamalkan Amalan Pertanian Baik (*Good Agricultural Practices*) yang seterusnya akan menyumbang kepada peningkatan pengeluaran dan kualiti padi yang lebih baik dan sekali gus meningkatkan pendapatan petani.

Mengikut data yang dikumpul dari kilang padi, pelaksanaan penetapan harga belian padi pada RM1,200 telah menunjukkan peningkatan pendapatan kepada petani secara purata di antara RM71 ke RM129 untuk setiap metrik tan. Purata pendapatan ini berbeza mengikut kawasan penananam padi bergantung pada purata peratus pemotongan berdasarkan kualiti padi.

Misalnya di Perak, purata pendapatan petani meningkat sebanyak RM74 per metrik tan pada musim pertama tuaian padi 2014, iaitu selepas penetapan harga padi RM1,200 berbanding musim kedua tahun 2013.

Mengenai kos penanaman padi pula, Kerajaan telah menyediakan pelbagai bentuk subsidi dan insentif kepada petani bagi membantu menampung kenaikan kos penanaman. Bagi tahun 2015, sejumlah RM 2.21 billion telah diperuntukkan kepada petani dalam usaha meringkankan beban dan sekaligus meningkatkan pendapatan. Bantuan yang diterima adalah dalam bentuk benih padi, input pertanian seperti baja sebatian, baja urea, baja organik, baja foliar, baja NPK tambahan, kapur, racun dan juga upah pembajakan.

88

Peruntukan bagi setiap subsidi adalah seperti berikut:

1.	Insentif Pengeluaran Benih Padi Sah	85
2.	Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan	465
3.	Insentif Pengeluaran Padi	563
4.	Subsidi Harga Padi	480
5.	Insentif Peningkatan Hasil	20
6.	Subsidi Harga Beras (ST15%)	528
7.	Subsidi Baja dan Racun bagi Penanaman Padi Huma/Bukit	70
JUMLAH		2,211